

**POTENSI PENGELOMPOKAN INDUSTRI KECIL LUAR BANDAR
DALAM MEMBANGUNKAN USAHAWAN KECIL FELDA**

**KAWASAN KAJIAN : FELDA ULU BELITONG DAN FELDA BUKIT
TONGKAT, KLUANG, JOHOR.**

ZALIZA BINTI KASIM

**Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains
(Perancangan Bandar dan Wilayah)**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

Mei 2008

ABSTRAK

Perkembangan industri kecil luar bandar dilihat sebagai salah satu indikator yang baik terhadap kemajuan masyarakat luar bandar dalam memperbaiki taraf hidup mereka. Penglibatan masyarakat FELDA dalam sektor ini juga semakin meningkat kerana sektor ini berupaya menambahkan pendapatan yang lumayan. Bagaimanapun industri ini menghadapi pelbagai masalah dari pelbagai aspek terutamanya dari segi modal pusingan yang tidak mencukupi, kemudahan yang kurang sempurna dan pasaran yang terhad. Peletakan lokasi industri yang berselerak menyukarkan agensi-agensi tertentu untuk menyalurkan bantuan-bantuan yang diperlukan. Menyedari hal ini, konsep pengelompokan industri luar bandar dilihat dapat membantu pengusaha-pengusaha di penempatan FELDA untuk memperkembangkan perusahaan mereka. Walaupun konsep pengelompokan dilihat sebagai sesuatu yang baru bagi masyarakat FELDA, namun masyarakat menerima baik terhadap pengaplikasian konsep ini di kawasan kajian. Dengan adanya pusat pengelompokan seumpama ini memudahkan penyaluran bantuan-bantuan dari agensi tertentu seperti FELDA, MARA, MARDI, KEMAS dan sebagainya untuk memberi bantuan dari pelbagai sudut. Konsep pengelompokan industri juga secara tidak langsung dapat menarik minat penduduk setempat untuk menceburi bidang ini secara lebih serius. Hasil daripada analisis yang dibuat masalah-masalah yang dihadapi oleh industri kecil luar bandar di kawasan kajian dapat dikenalpasti. Oleh itu beberapa cadangan dan strategi-strategi dibentuk bagi menggalakkan penyertaan pengusaha dalam pengelompokan industri. Konsep ini juga secara tidak langsung dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh industri kecil luar bandar di kawasan kajian. Cadangan berbentuk program-program pembangunan industri dan cadangan peningkatan kemudahan berbentuk fizikal cuba disusun agar dapat menarik minat pengusaha-pengusaha untuk dikelompokkan dalam satu kawasan.

ABSTRACT

The development of rural small industry is one of indicator towards community advancement to improve standard of living. The increasing number of communities involvement in rural small industry because the industry able to increase the income level of communities. There are a lot of problems to face in small industry in rural area, especially in capital rotation, lack of infrastructure, and limited of market. Currently, the scattered locations of the industry in Felda cause the difficulty of infrastructure and facilities distribution. Agglomeration industry concept in rural area can support Felda small entrepreneur to evolve their business. Even though the agglomeration concept is new in Felda communities, they can well-adapt the concept. Through the agglomeration centre, agencies like FELDA, MARA, MARDI, KEMAS and others ease to distribute their support. With this concept, communities can also involve seriously in the industry. From the analysis, the problem and potentials of agglomeration concept in Felda will be determined. Several alternatives and strategies will be planned to encourage small entrepreneur to involve in agglomeration industry in study area. In directly this concept can solve rural small industry problems in Felda. The alternatives and strategies that will be planned focused on programs to develop the industry and how to increase the physical facilities in agglomeration centre.